


# PARENTERAL NUTRITION

## Apakah itu Parenteral Nutrition?

Parenteral Nutrition (PN) adalah salah satu cara untuk memberi nutrisi kepada badan anda. Ia menggunakan larutan steril yang dimasukkan ke dalam saluran darah anda melalui tiub khas. Tiub ini akan diletakkan di dalam saluran darah pada tangan atau dada anda. Larutan tersebut mengandungi semua nutrien penting yang diperlukan oleh badan anda - protein, karbohidrat, lemak, cecair, vitamin dan mineral.



## Mengapakah saya memerlukan Parenteral Nutrition?




Pada waktu ini, usus anda mungkin tidak boleh menghadam makanan atau menyerap nutrien dengan baik. Oleh itu, pakar perubatan telah menentukan bahawa cara yang paling selamat untuk membantu anda pulih adalah dengan membiarkan sebahagian atau seluruh sistem pencernaan anda berehat. Justeru, PN akan diberikan melalui saluran darah untuk memastikan anda masih memperoleh nutrien yang diperlukan.


## Adakah terdapat alternatif lain selain Parenteral Nutrition?

Penggunaan PN hanya akan disarankan oleh pakar perubatan jika ia adalah pilihan yang terbaik bagi rawatan anda pada masa tersebut. Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan atau soalan tentang PN, sila berbincang dengan pakar perubatan anda sebelum meneruskan rawatan.

## Apakah risiko yang berkaitan dengan Parenteral Nutrition?

Seperti ubat-ubatan atau rawatan yang lain, terdapat juga risiko yang berkaitan dengan PN.

Risiko	Tanda-tanda	Pemantauan bagi Mencegah Risiko
Jangkitan tiub infusi  	Rasa panas, bengkak, dan kemerahan di lokasi infusi  	<p>Pakar perubatan anda akan memantau lokasi infusi dan mengambil suhu badan anda secara kerap untuk memantau tanda-tanda jangkitan.</p>  <p>Untuk mengelakkan pencemaran kepada larutan PN, elakkan daripada menyentuh di sekitar kawasan infusi.</p> 
Paras gula darah tinggi  	Kerap berasa dahaga dan membuang air kecil  	<p>Semasa infusi PN, paras gula darah anda mungkin meningkat di mana ia perlu dipantau dan dirawat dengan ubat, contohnya insulin. Paras gula biasanya kembali normal apabila PN dihentikan.</p> 

Risiko	Tanda-tanda	Pemantauan bagi Mencegah Risiko
Pengumpulan cecair berlebihan 	Sesak nafas, bengkak kaki 	Pakar perubatan akan memantau jumlah cecair yang masuk dan keluar dari badan anda setiap hari. Mereka juga akan memeriksa tanda-tanda cecair berlebihan dalam badan. 
Peningkatan enzim hati 	Kekuningan pada mata putih dan kulit, sakit perut yang teruk, air kencing berwarna teh 	Pakar perubatan akan memantau paras enzim hati anda secara kerap semasa menerima PN untuk mencegah kesan sampingan berkaitan. 

## Bagaimakah Parenteral Nutrition dimulakan?


Sebelum PN dimulakan, Nutrition Support Team (NST) akan memastikan bahawa semua keperluan adalah tersedia. PN akan diberikan melalui cecair yang khusus (infusi intravena) dengan menggunakan pam infusi. Sebelum penyediaan larutan PN, NST akan menilai keperluan nutrien anda. Mereka juga mungkin mengambil ujian darah tambahan untuk memastikan PN boleh dimulakan dengan selamat, serta memantau keputusan ujian darah secara kerap sepanjang penerimaan PN.



## **Perlukah saya menjalani ujian darah secara kerap semasa menerima Parenteral Nutrition?**

Kandungan larutan PN akan diubahsuai dengan teliti melalui pemantauan keputusan ujian darah.

Pemeriksaan rutin lain termasuk paras gula darah, simptom dan berat badan. Ini adalah untuk memastikan PN adalah selamat dan berkesan untuk anda.



Maklumkan kepada doktor atau jururawat jika anda mengalami mana-mana simptom berikut:

- Demam melebihi suhu  $38^{\circ}\text{C}$
- Menggigil
- Bengkak pada kawasan infusi
- Sesak nafas
- Bengkak kaki



Sila maklumkan kepada pakar perubatan jika anda mengalami sebarang simptom lain yang tidak disenaraikan di atas.

## **Berapa lamakah saya perlu menerima Parenteral Nutrition?**

Tempoh PN adalah berbeza mengikut individu dan boleh berubah atas pelbagai faktor. PN tidak lagi diperlukan apabila pakar perubatan menentukan bahawa badan anda boleh memperolehi nutrien yang mencukupi bagi proses penyembuhan melalui diet oral dan/atau melalui tiub pemakanan.



## **Bolehkah saya makan atau minum semasa menerima Parenteral Nutrition?**

Ini bergantung kepada sebab anda diberi terapi PN, rawatan yang sedang anda terima, dan proses penyembuhan anda.

Keadaan-keadaan ini mungkin berubah dari semasa ke semasa.

Anda disarankan untuk berbincang dengan pakar perubatan sekiranya terdapat perkara yang anda tidak pasti.

## **Adakah saya akan berasa lapar atau dahaga semasa menerima Parenteral Nutrition?**

Anda mungkin tidak akan berasa lapar atau dahaga semasa menerima PN, tetapi ini boleh berubah dari semasa ke semasa. Sila maklumkan kepada pakar perubatan jika berasa lapar atau dahaga.



## **Bolehkah saya bergerak semasa menerima Parenteral Nutrition?**

Anda boleh bergerak di sekitar wad atau meneruskan terapi fizikal yang ditetapkan oleh pakar perubatan. Jika anda memerlukan bantuan, jururawat atau ahli terapi bersedia membantu. Jangan cabut tiub infusi tanpa memberitahu pakar perubatan anda terlebih dahulu.



NST yang terdiri daripada doktor, ahli farmasi, dan pakar dietetik akan menjawab sebarang soalan dan/atau kebimbangan anda mengenai PN.



Contributed by Nutrition & Dietetics Service, Allied Health Services and Nutrition Support Team

This brochure is produced for educational purposes and should not be used as a substitute for medical diagnosis or treatment. Please seek the advice of a qualified healthcare provider before starting any treatment or if you have any questions related to your health or medical condition.

Information shared is accurate as of February 2025 and subject to revision without prior notice.



Scan QR code to download e-brochure